

AMALAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGGUNAAN PAPAN PUTIH SEMASA PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Mohd Faez Ilias, Muhammad Syakir Sulaiman, Mohd Amin Mohd Noh, Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Annasai Jamar, Mohd Izzuddin Mohd Pisol
Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
faeez@kuis.edu.my

Abstrak

Papan putih merupakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang biasa digunakan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Walaupun papan putih sentiasa digunakan, namun masih terdapat masalah dalam pelaksanaannya. Kegagalan menggunakan papan putih adalah disebabkan oleh masalah peribadi guru seperti tiada kemahiran dan pengetahuan tentang penggunaan BBM tersebut. Selain itu, papan putih juga kurang membantu guru dalam memudahkan proses PdP disebabkan oleh masa yang terhad walaupun telah biasa digunakan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan Guru Pendidikan Islam (GPI) menengah rendah di negeri Johor dalam penggunaan papan putih meliputi aspek tempat dan bentuk penulisan serta penekanan isi penting semasa menulis di papan putih. Kajian kes ini menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data. Seramai lima orang GPI, lima orang penyelia GPI, dan sepuluh orang pelajar Sekolah Bestari terlibat dalam kajian ini. Data verbatim temu bual ditriangulasi dengan data pemerhatian dan analisis dokumen sebelum dianalisis menggunakan perisian NVivo 7.0. Secara keseluruhannya, dapatan menjelaskan bahawa terdapat pola yang terbentuk daripada analisis dapatan secara “selective coding” meliputi aspek tempat, bentuk, dan penekanan isi penting semasa menulis di papan putih. Tema yang mencapai tahap pola bagi tempat menulis ialah ‘mula di tengah’ dan ‘pecahan di tepi’, tema bentuk penulisan pula ialah ‘peta minda’ dan ‘pembahagian’, manakala tema penekanan isi penting pula ialah ‘garis’, ‘warna’, dan ‘bulat’. Dapatan ini juga sesuai dijadikan rujukan kepada para pendidik yang berusaha menyampaikan pengajaran dengan berkesan menggunakan BBM sedia ada di dalam kelas.

Kata kunci: Bahan Bantu Mengajar (BBM), Papan Putih, Isi Penting, Guru Pendidikan Islam, Sekolah Bestari, Guru Cemerlang (GC).

1.0 PENGENALAN

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) masa kini menjadi satu keperluan kepada guru di sekolah. Penggunaan BBM ini banyak memberi manfaat kepada guru dalam menjadikan penyampaian yang berkesan. Bagi memastikan penyampaian yang baik dan berkesan, guru hendaklah memastikan BBM digunakan dengan betul dan mengikut proses dan prosedur yang sesuai. Proses dan prosedur tersebut bukan berpandukan kepada manual penggunaan sahaja malah perlu disesuaikan dengan keadaan dan penerimaan pelajar (Mohd Jackie, et.al., 2016; Faizah Ja'apar, 2017).

Menjadi tanggungjawab guru yang ingin menggunakan BBM dengan menyediakan bahan dan peralatan sebelum digunakan. Terdapat jenis BBM yang perlu disediakan sendiri oleh guru dan ada yang telah tersedia di dalam kelas seperti papan putih. Penggunaan papan

putih dianggap menjadi satu keperluan memandangkan peralatan tersebut telah disediakan di setiap kelas di sekolah. Oleh itu, penggunaan papan putih mestilah kerap dengan pengetahuan dan kemahiran penggunaannya yang betul.

Penggunaan papan putih memerlukan kemahiran perancangan yang baik bagi memastikan alat tersebut dapat digunakan dengan sepenuhnya. Perancangan ini bersesuaian dengan keadaan papan putih yang luas dan memerlukan strategi dalam menggunakan peralatan tersebut. Hal ini sekaligus menjadikan perancangan keseluruhan pelaksanaan PdP sebelum guru memulakan kelas untuk menyampaikan pengajaran (Hamdan et. al., 2004). Perancangan yang dilaksanakan oleh guru tidak hanya fokus kepada maklumat yang ingin disampaikan sahaja malah meliputi jenis bahan rujukan yang digunakan, aktiviti, kaedah, teknik, dan strategi pengejaran, serta BBM yang akan digunakan. Penekanan kepada perancangan rapi oleh guru akan mengurangkan kekerapan pelaksanaan PdP menggunakan kaedah chalk & talk kerana memberi kesan negatif kepada minat pelajar untuk belajar (Che Mohd Noor & Ahmad, 2015). Walaupun kaedah chalk & talk masih relevan untuk dilaksanakan, namun penggunaannya perlu diteliti dan dirancang agar setanding dengan penggunaan teknologi masa kini dari aspek penerimaan pelajar.

Faktor utama yang menyebabkan penggunaan papan putih sukar dikuasai dengan baik oleh guru adalah kekurangan kemahiran penulisan. Kekurangan ini dikenalpasti apabila guru gagal untuk menulis maklumat yang ingin disampaikan sehingga maklumat yang mudah bertukar menjadi sukar untuk difahami (Che Zanariah dan Fadzillah Abd Rahman, 2011). Apabila hal ini berlaku, penyampaian maklumat menggunakan papan putih semakin sukar pada kedua-dua pihak guru dan pelajar. Masalah ini berkemungkinan dari pihak guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran terhadap maklumat yang disampaikan atau masalah pelajar yang kurang dalam menguasai pelajaran (Abdul Jalil Othman et.al., 2011).

Oleh yang demikian, guru perlu memastikan segala perancangan dalam menggunakan BBM khususnya papan putih. Perancangan yang rapi akan membantu guru dalam melaksanakan proses PdP bukan sekadar penyampaian maklumat malah terhadap penggunaan papan putih di dalam kelas. Hal ini akan menggalakkan guru menggunakan papan putih semasa PdP apabila telah diketahui bahawa penggunaan papan putih sangat baik dalam membantu meningkatkan kemahiran asas membaca yang baik dalam kalangan pelajar (Ruhaidah Hamdan, 2011).

2.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Artikel ini membincangkan satu penyelidikan yang berkaitan dengan amalan penggunaan bahan bantu mengajar khususnya papan putih dengan tujuan kajian untuk “Meneroka amalan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam penggunaan papan putih dari aspek tempat dan bentuk penulisan serta penekanan isi penting semasa menulis di papan putih”. Manakala perbincangan kajian ini adalah dalam lingkungan persoalan kajian yang telah ditetapkan iaitu “Bagaimana amalan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam penggunaan papan putih dari aspek tempat dan bentuk penulisan serta penekanan isi penting semasa menulis di papan putih?”

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan perancangan yang dilakukan oleh pengkaji dalam menjawab permasalahan yang timbul semasa kajian dijalankan (Schensul, 2008). Kajian ini telah diklasifikasikan sebagai kajian berbentuk deskriptif kerana matlamatnya untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Merriam, 1988; Mohd Majid, 2005; Tobin, 2010). Reka bentuk kajian ini juga disebut sebagai kajian pelbagai kes (multiple case) kerana melibatkan pelbagai tempat kajian. Reka bentuk kajian adalah adaptasi daripada kajian Kamarul Azmi (2010), dengan sedikit pengubah suaian dilakukan. Maka pendekatan ini sesuai dengan sifatnya yang melibatkan pelbagai tempat kajian (multisite studies) (Merriam, 1998; Bishop, 2010).

Kelebihan kajian ini diperkuatkan dengan sumber dapatan yang pelbagai (Yin, 2006), terdiri daripada temu bual mendalam, pemerhatian, analisis dokumen, dan rakaman (Denschombe, 2007; 2010; Chmiliar, 2010), melalui pendekatan kualitatif. Pendekatan ini mampu membantu pengkaji dalam mengenal pasti penggunaan BBM yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam (Skorupski, 2005; Flinders, 2009) serta meneroka permasalahan yang dikaji mengikut tatacara yang ditetapkan (Merriam, 1998; 2002; Esterberg, 2002; Creswell, 2003; Bogdon dan Biklen, 2003).

Dalam kajian ini, pengumpulan data adalah dengan tiga cara, iaitu temu bual mendalam, pemerhatian, dan analisis dokumen. Temu bual merupakan kaedah utama dalam mendapatkan data dan mestilah diberikan penekanan. Dapatan yang diperolehi juga merupakan satu hasil yang mampu menarik minat pengkaji untuk mengetahui dengan lebih mendalam (McConaughy, 2005; Morgan dan Guevara, 2008). Temu bual ini dijalankan terhadap Guru Pendidikan Islam (GPI), penyelia GPI, dan dua orang pelajar di bawah seliaan GPI. Pemerhatian pula diperolehi dalam dua bentuk iaitu rakaman audio atau video terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) GPI. Selain itu, analisis dokumen turut dilakukan termasuk analisis terhadap nota dan diari GPI. Dokumen yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah dari jenis sijil-sijil, persediaan mengajar, bahan bantu mengajar, dan segala kelengkapan buku pelajar (Olson, 2010). Dokumen tersebut diperolehi dalam bentuk fizikal, audio, dan video (Scott, 2004; Raptis, 2010).


Jadual 3.1 Singkatan yang digunakan dalam Proses Analisis Data Kajian.

Singkatan	Penjelasan
SA, SB, SC, SD, SE	Sekolah A, B, C, D, E *Tempat kajian lapangan dijalankan.
GPISA, GPISB, GPISC, GPISD, GPISE	Guru Pendidikan Islam Sekolah A, B, C, D, E
PYSA, PYSB, PYSC, PYSD, PYSE	Penyelia (GPI) Sekolah A, B, C, D, E
P1SA, P1SB, P1SC, P1SD, P1SE	Pelajar 1 Sekolah A, B, C, D, E
P2SA, P2SB, P2SC, P2SD, P2SE	Pelajar 2 Sekolah A, B, C, D, E

Dapatan kajian yang diperolehi dari lapangan akan terus diproses secara berperingkat bermula dengan proses transkrip data berbentuk audio, video, dan gambar ke dalam bentuk teks. Setelah itu, data yang siap ditranskrip akan dianalisis secara “open coding” menggunakan perisian analisis data kualitatif iaitu NVivo versi 7.0. Proses analisis menggunakan perisian ini melibatkan penggunaan beberapa singkatan yang dapat dijelaskan seperti pada Jadual 3.

Analisis dilakukan dengan membentuk tema-tema berdasarkan dapatan kajian. Kemudian tema yang terhasil akan membentuk model dapatan kajian berdasarkan kepada tema yang mencapai tahap pola. Secara ringkasnya, rekabentuk kajian ini dapat disimpulkan melalui

Error! Reference source not found. sebelum kesemua data tersebut dianalisis secara deskriptif (Hessler, 1992; Srinivasan, 2007).



Rajah 3.1: Kedudukan Reka Bentuk Kajian Kes dengan Pendekatan Kualitatif.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan menghuraikan semua dapatan kajian yang diperolehi menggunakan instrumen temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Dapatan kajian dihuraikan kepada tiga fokus seperti yang dinyatakan pada objektif dan perosalan kajian.

Secara umumnya, dapatan menjelaskan cara penggunaan papan putih terbahagi kepada amalan penulisan di papan putih meliputi aspek tempat dan bentuk penulisan serta penekanan isi penting. Amalan ini dijelaskan merujuk kepada dapatan data pada Jadual 4.1 hingga Jadual 4.3. Kesemua dapatan pada jadual tersebut menggambarkan amalan yang dilakukan oleh GPI semasa menggunakan papan putih ketika PdP.

4.1 Amalan Penulisan di Papan Putih

Cara penggunaan papan putih dimulakan dengan penulisan GPI. Amalan penulisan melibatkan tiga tema yang dihasilkan melalui analisis data temu bual bersama responden. Pembahagian amalan penulisan tersebut meliputi aspek tempat, bentuk, dan penekanan isi penting.

4.1.1 Tempat Penulisan

Berdasarkan dapatan kajian yang dianalisis, pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga jenis tempat penulisan di bahagian papan putih yang menjadi amalan GPI di SA-SE. Dua tempat penulisan menapai tahap pola manakala hanya satu sahaja yang tidak mencapai tahap pola dapatan kajian seperti yang dijelaskan pada Jadual 3.1.

Amalan tertinggi penggunaan papan putih oleh GPI di SA-SE ialah mulakan penulisan di tengah-tengah. Amalan ini diwakili oleh semua GPI di SA-SE. Amalan ini diakui oleh PYSD yang menyelia PdP GPI dengan kata-katanya: (BBM:WBO/PGG/PLS/TPT/MDT) "ustaz mulakan ditengah-tengah terus, sebab ustaz buat peta minda kan." PYSD, 2012: 777. Penulisan pada bahagian tengah papan putih menjadi amalan GPI di SA-SE. Tema amalan ini bermaksud GPI memulakan penulisan di bahagian tengah sama ada sebagai tajuk besar ataupun tidak (OBSA, 2012: 190; GPISC, 2012: 452; OBSD, 2012: 87; P1SD, 2012: 1098; OBSE, 2012: 59, 68, 79; P1SE, 2012: 258; GPISE, 2012: 1024). Antara sebab penulisan di tengah-tengah adalah kerana GPI menulis dalam bentuk peta minda yang kreatif (OBSA, 2012: 190; P1SA, 2012: 661; OBSB, 2012: 40; P2SB, 2012: 286; PYSC, 2012: 225, 233, 235; PYSD, 2012: 777; GPISD, 2012: 1092; P2SE, 2012: 286). Hal ini diakui oleh PYSC katanya: (BBM:WBO/PGG/PLS/BTK/PTM) "jadi kalau tadi kata dia mula dari tengah, memang ada kemungkinan sebahagian besar sebab dia menggunakan kaedah kreatif." PYSC, 2012: 232. Selain itu, pelajar juga akan jelas melihat maklumat yang ditulis oleh GPI di tengah-tengah papan putih (GPISA, 2012: 390; OBSC, 2012: 144; P2SE, 2012: 421; P2SE, 2012: 425).

Jadual 4.1: Tempat Penulisan Semasa Penggunaan Papan Putih.

Bil.	Amalan Semasa Menggunakan	SA	SB	SC	SD	SE
1.	Mula di tengah	x	x	x	x	x
2.	Pecahan di tepi	x	x	x	x	x
3.	Mula dari tepi	-	-	-	x	-

Semasa menulis di papan putih, GPI perlu membuat perancangan dan lakaran supaya kelihatan tersusun. Amalan penulisan di papan putih dalam bentuk pecahan di tepi menjadi kebiasaan yang dilakukan oleh GPI di SA-SE. Hal ini diakui sendiri oleh GPISE melalui katanya: (BBM:WBO/PGG/PLS/TPT/PDT) "satu papan putih... bergantung lah. Tengok juga lah, kadang satu papan putih tu... saya mula dari tengah, pecahan kanan... kiri...Tak penuh lah." GPISE, 2012: 1024. Amalan penulisan pecahan di tepi ini bermaksud GPI menulis tajuk besar di tengah-tengah dan kemudian membuat cabang-cabangnya (OBSA, 2012: 191; GPISA, 2012: 376; ADSB, 2012: 628; P1SB, 2012: 275; OBSC, 2012: 260; OBSE, 2012: 79). Cabang-cabang tersebut diletakkan isi-isi sebagai penerangan kepada tajuk besar tersebut (OBSA, 2012: 191; ADSB, 2012: 628; P2SB, 2012: 272; P1SB, 2012: 275; P2SB, 2012: 355; GPISB, 2012: 829; OBSC, 2012: 261; P1SC, 2012: 334; OBSE, 2012: 79). Untuk memudahkan, amalan penulisan ini adalah membentuk peta minda (GPISA, 2012: 376; ADSB, 2012: 628; P2SB, 2012: 272; P1SB, 2012: 275; GPISD, 2012: 1086).

Manakala dapatan yang tidak mencapai tahap pola hanya satu sahaja, iaitu mula dari tepi. Gaya penulisan dari tepi ini jarang dilakukan oleh majoriti GPI di SA-SE. Hal ini kerana menyebabkan penglihatan pelajar kurang jelas terhadap maklumat yang ditulis (GPISD, 2012: 1272).

4.1.2 Bentuk Penulisan

Dari segi bentuk penulisan, GPI di SA-SE mengamalkan empat bentuk untuk penulisan di papan putih. Amalan bentuk penulisan yang tertingi adalah bentuk peta minda yang diwakili oleh semua GPI (P1SA, 2012: 661, 662; PYSA, 2012: 252, 270; GPISA, 2012: 373, 375; P1SB, 2012: 275; P2SB, 2012: 272, 286, 455; P1SC, 2012: 175; PYSC, 2012: 237; P2SD, 2012: 1106; P1SD, 2012: 1108; PYSD, 2012: 167, 222, 771, 777, 779; GPISD, 2012: 1086; OBSE, 2012: 78; P1SE, 2012: 253). Hal ini dijelaskan melalui temu bual PYSD: (BBM:WBO/PGG/PLS/BTK/PTM) "bentuk penulisan tu kena tengok tajuk lah tapi lebih kerap ustaz gunakan peta minda." PYSD, 2012: 771. Tujuannya adalah untuk memudahkan kefahaman pelajar (P2SE, 2012: 250) serta dapat melihat gambaran keseluruhan pelajaran (GPISA, 2012: 375, 558; GPISC, 2012: 553). Bentuk ini juga membolehkan pelajar menyertai aktiviti PdP (ADSA, 2012: 181; GPISA, 2012: 488, 558; OBSB, 2012: 61; OBSC, 2012: 253) kerana GPI hanya menulis sebahagian isi penting sahaja (GPISA, 2012: 558; ADSB, 2012: 628; P1SC, 2012: 175; PYSC, 2012: 292; GPISC, 2012: 555; P1SD, 2012: 1109; PYSD, 2012: 168; P1SE, 2012: 254; GPISE, 2012: 938). Namun, penggunaan peta minda hanyalah bergantung kepada kesesuaian tajuk pelajaran diajar (PYSD, 2012: 779).

Jadual 4.2: Bentuk Penulisan Semasa Menggunakan Papan Putih

Bil.	Amalan Bentuk Penulisan	SA	SB	SC	SD	SE
1.	Peta minda	x	x	x	x	x
2.	Buat pembahagian	x	x	x	x	-
3.	Carta	-	x	-	-	-

Bentuk penulisan yang seterusnya ialah dengan membuat pembahagian menegak pada papan putih (P2SA, 2012: 668; PISA, 2012: 671; PYSA, 2012: 268; PYSB, 2012: 342; PYSC, 2012: 207, 218; P2SD, 2012: 1101; GPISD, 2012: 1062, 1084). Amalan ini dilakukan oleh GPI di SA-SD, manakala GPISE tidak menggunakan bentuk tersebut. Hal ini dibuktikan melalui kata-kata PYSC: (BBM:WBO/PGG/PLS/BHG) "...jadi dia bahagi-bahagi lah. makna dia tahu lah ruang ni walaupun kadang tak dibahagi tapi penggunaan ruang ni ada pada pemikiran dan perancangan mereka untuk masa tertentu." PYSC, 2012: 207. Pembahagian ini dilakukan adalah untuk membolehkan GPI menulis secara berperingkat-peringkat (P2SD, 2012: 1101). Tujuannya adalah untuk digunakan semasa perbincangan dengan pelajar di dalam kelas (P2SA, 2012: 667; PISA, 2012: 671).

Amalan bentuk penulisan yang terendah sekali ialah bentuk berubah-ubah dan bentuk carta. Bagi bentuk penulisan berubah-ubah ini diwakili oleh SC (PYSC, 2012: 298, 306; GPISC, 2012: 710) manakala bentuk carta pula diwakili oleh SB (GPISB, 2012: 829, 985).

4.1.3 Penekanan Isi Penting

Semasa penulisan, GPI ada menekankan aspek cara penulisan untuk isi-isi penting yang digunakan terdapat tiga jenis sahaja. Maklumat yang ditulis di papan putih merupakan isi penting yang diringkaskan oleh GPI daripada sumber rujukan. Merujuk kepada Jadual 4.22, GPI melakukan enam cara sebagai penekanan isi penting kepada pelajar. Tiga daripadanya mencapai tahap pola dan selebihnya tidak mencapai tahap pola. Cara yang paling tinggi digunakan ialah menggariskan dan dibuktikan melalui temu bual PISA: (BBM:WBO/PGG/PLS/ISP/GRS) "kalau ada yang penting biasanya ustaz akan gariskanlah menggunakan pen marker yang berbeza supaya nampak mana yang penting." PISA, 2012: 882. Tujuan GPI menggariskan isi penting tersebut adalah untuk perhatian (GPISA, 2012: 526; OBSC, 2012: 282), fokus (ADSB, 2012: 614), dan pelajar mudah ingat (OBSC, 2012: 282).


Jadual 4.3: Penekanan Isi Penting Semasa Penulisan di Papan Putih

Bil.	Penekanan Isi Penting	SA	SB	SC	SD	SE
1.	Garis	x	x	x	x	x
2.	Pelbagai warna	x	x	x	x	x
3.	Bulat	x	x	x	-	x
4.	Penulisan mendalam	-	-	-	x	-
5.	Highlight	x	-	-	-	x
6.	Penerangan mendalam	-	-	-	x	-

Seterusnya GPI ada menggunakan marker pen pelbagai warna berdasarkan temu bual PYSD: (BBM:WBO/PGG/PLS/ISP/WRN) "ataupun ustaz ada juga buat garisan pada isi penting atau istilah penting tu, kadang-kadang ada juga ustaz gunakan warna yang berlainan." PYSD, 2012: 843. Kesan penggunaan marker pen pelbagai warna akan menyebabkan pelajar mudah nampak isi penting yang ditulis oleh GPI (PISA, 2012: 833, 883; GPISE, 2012: 1122, 1124). GPI juga akan membulatkan isi penting yang ditulis di papan putih berdasarkan temu bual P2SB: (BBM:WBO/PGG/PLS/ISP/BLT) "ustaz bulatkan mana yang penting." P2SB, 2012: 439.

Manakala tiga cara lain yang digunakan, iaitu penulisan mendalam, highlight, dan penerangan mendalam adalah tidak mencapai tahap pola. Penulisan dan penerangan secara mendalam dilakukan adalah bergantung kepada keperluan dan kepentingannya (PYSD, 2012: 840, 846; GPISD, 2012: 1235). Ianya bertujuan memudahkan pelajar untuk melihat (GPISD, 2012: 1102) dan mengingat apa yang ditulis oleh GPI (OBSD, 2012: 214).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang membentuk tema dihipunkan sebelum dianalisis sehingga memperoleh dapatan yang membentuk pola. Semua dapatan yang membentuk pola dapat dijelaskan pada Rajah 4.1.



Rajah 4.1: Pola Dapatan Kajian Melalui Pembinaan Tema

5.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Penulisan pada jenis BBM yang digunakan ini dilakukan secara individu oleh GPI dan pelajar ataupun secara bersama mengikut kepada BBM yang berbeza-beza. Bagi BBM jenis papan putih, kertas edaran, serta buku latihan dan modul, penulisannya adalah melibatkan GPI dan pelajar. GPI menulis semasa menghasilkan BBM tersebut dan pelajar menulis semasa membuat latihan atau penambahan nota. Bagi penulisan oleh GPI sahaja, BBM yang terlibat ialah powerpoint sahaja. Manakala penulisan oleh pelajar sahaja ialah BBM jenis buku nota pelajar dan kertas majong. Jenis penulisan yang digunakan pula mementingkan ciri yang jelas dan boleh dilihat sama ada menggunakan cetakan komputer ataupun tulisan tangan. Penulisan daripada cetakan komputer digunakan pada BBM kertas edaran, buku latihan dan modul, serta powerpoint. Manakala penulisan tangan digunakan pada BBM jenis buku nota pelajar dan kertas majong. Semasa penulisan, GPI dan pelajar sentiasa mementingkan tulisan yang jelas, besar, dan dapat dilihat lebih-lebih lagi untuk pnglihatan semua pelajar di dalam kelas. Brown (et al, 1973), Samantha (1991), Heppner (2007), dan Armitage (et al, 2012) sentiasa menekankan tentang ciri tulisan yang perlu diambil perhatian oleh guru ialah jelas dan dapat dilihat. Ciri-ciri ini akan terhasil dengan memastikan aspek marker pen yang digunakan, mengelakkan silau, dan mengawal kemasukan cahaya luar. Dapatan kajian ini turut menjelaskan bahawa GPI akan memastikan tulisan yang digunakan sentiasa dapat dilihat oleh pelajar. Maka dapatan kajian ini tidak jauh bezanya dengan dapatan kajian Hillier (2005), Heppner (2007); Vickers dan Bavister (2010), dan Scales (2013) yang sentiasa memastikan setiap tulisan dapat dilihat semasa menulis di papan putih.

Ciri penulisan yang jelas dan dapat dilihat ini sangat penting apabila GPI menggunakan BBM yang melibatkan keseluruhan pelajar. Ditambah pula penulisan menggunakan tulisan tangan memerlukan kekemasan. Hal ini dapat dilihat semasa penggunaan papan putih yang menggunakan tulisan tangan semasa GPI menulis berbanding powerpoint yang menggunakan tulisan komputer. Penulisan pada kertas majong dan bukun ota pelajar juga hampir sama dengan penggunaan papan putih namun keluasan kedua-duanya adalah kurang berbanding papan putih. Susunan penulisan semasa menghasilkan BBM yang menggunakan tulisan tangan perlu kepada perancangan baik. Bagi GPI dan pelajar, penulisan pada papan putih, kertas majong, dan buku nota pelajar adalah secara spontan kerana dilakukan tanpa lakaran terlebih dahulu. Hal ini menjadikan GPI dan pelajar sentiasa merancang dengan baik semasa menulis di papan putih, kertas majong, dan buku nota pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian oleh

Brown (et al., 1973), Adrian Doff (1988), Sharifah Alwiah (1999), Quinn (2000), Holli (et al., 2003), Hillier (2005), Vickers dan Bavister (2010), dan Scales (2013). Dapatan kajian tersebut menjelaskan bahawa penulisan secara spontan akan menjadikan tulisan kemas, jelas, dan mudah difahami.

Dapatan penulisan GPI di papan putih menjelaskan bahawa persediaan dan penguasaan terhadap subjek yang diajar sangat memainkan peranan penting. Hal ini kerana penulisan di papan putih sangat berbeza dengan penulisan lain-lain BBM yang digunakan. Gaya dan tempat penulisan juga memerlukan GPI benar-benar mahir menggunakan papan putih. Gaya penulisan GPI perlu tertib kerana berada di hadapan keseluruhan pelajar. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa penulisan GPI tidak sampai sehingga di bahagian bawah papan putih. Hal ini kerana GPI perlu untuk menunduk dan membongkok semasa menulis dan dikhuatiri gaya penulisan tersebut menunjukkan akhlak yang tidak sopan kepada pelajar. Oleh itu, dapatan tersebut berbeza dengan teori kajian yang telah dinyatakan oleh Farrant (1977) bahawa guru perlu membongkok atau mencangkung semasa menulis di bahagian bawah papan hitam.

Bentuk penulisan di papan putih juga berbeza dengan teori kajian sedia ada semasa penggunaan papan putih. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa GPI lebih gemar menulis dengan menggunakan bentuk peta minda dalam menghuraikan sesuatu isi penting. Melalui penggunaan bentuk peta minda, masa penulisan GPI di papan putih dapat disingkatkan kerana hanya menulis isi penting sahaja. Apabila GPI dapat mengurangkan tulisan di papan putih, kesalah semasa menulis juga dapat dikurangkan. Kesalahan yang banyak semasa menulis akan menyebabkan GPI mengambil masa untuk memadam. Namun kebiasaan GPI memadam kesalahan yang dilakukan hanya dengan tangan sahaja. Hal ini merupakan tindakan yang tidak sesuai memandangkan setiap kelas dibekalkan dengan pemadam papan putih. Dapatan ini berbeza dengan teori yang dinyatakan oleh Farrant (1977) dan Sharifah Alwiah (1984) bahawa penggunaan papan hitam perlulah dibuat pembahagian sama ada dua atau tiga supaya memudahkan penulisan guru. Apabila penulisan menjadi mudah, GPI akan merancang penulisan mengikut keperluan menyebabkan kurang melakukan kesalahan semasa penulisan.

Bagi amalan penerangan semasa menggunakan BBM, semua jenis BBM yang digunakan oleh GPI memerlukan kepada penerangan semasa digunakan. Bermula daripada penggunaan papan putih, buku teks, powerpoint, kertas edaran, kertas majong, gambar, buku nota pelajar, video, buku latihan dan modul, serta buku rujukan. Penggunaan bahan ini memerlukan kepada penerangan daripada GPI untuk tujuan memudahkan pemahaman dan penerimaan pelajar terhadap topik yang diajar. Berdasarkan dapatan, GPI memberikan penerangan yang jelas kepada pelajar semasa menggunakan semua jenis BBM yang disenaraikan. Penerangan yang disampaikan oleh GPI mementingkan pelajar mendapat kefahaman yang mudah. Fokus GPI juga untuk memberikan penghayatan kepada pelajar dengan menggunakan suara yang jelas dan mudah difahami. Suara yang jelas dan kuat akan memudahkan pelajar untuk mendengar setiap patah perkataan yang dituturkan oleh guru (Adrian Doff, 1988). Ciri ini sesuai dan terpakai untuk penerangan semasa menggunakan semua jenis BBM yang digunakan oleh GPI. Untuk memberikan fokus yang baik kepada pelajar semasa penerangan, GPI melakukan beberapa ciri yang sesuai. Semasa memberikan penerangan, kedudukan GPI tidak akan menghalang maklumat atau fokus yang perlu dilihat oleh pelajar. Ciri ini perlu semasa menggunakan BBM yang melibatkan keseluruhan pelajar seperti papan putih, powerpoint, dan kertas majong. Manakala bagi BBM selebihnya, kedudukan GPI adalah bebas dan seelok-eloknya adalah sentiasa berdekatan dengan pelajar. Hal ini kerana untuk mengekalkan fokus terhadap penglihatan individu pada BBM khusus seperti buku teks, kertas edaran, dan buku rujukan (Holli et al., 2003). Semua ciri yang telah dijelaskan ini akan menghasilkan penerangan yang fokus oleh GPI dan penerimaan yang memudahkan pelajar. Maka keseluruhan dapatan kajian berkenaan penerangan terhadap BBM yang digunakan selari dengan kajian oleh Adrian Doff (1988), Jarvis dan Gibson (1997),

Sharifah Alwiah (1999), Quinn (2000), Armitage (et al., 2012), Scales (2013), serta Becker dan Denicolo (2013). Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa guru perlu mengawasi kedudukan mereka semasa memberikan penerangan agar tidak melindungi maklumat yang hendak difokuskan kepada pelajar. Oleh itu, penerangan semasa menggunakan BBM amat penting dilakukan oleh GPI dengan jelas dan berperingkat. Hal ini kerana kaedah pengajaran secara penerangan mampu untuk memberikan kefahaman kepada pelajar terhadap maklumat yang sukar untuk dijelaskan. Maka dapatan ini turut selari dengan dapatan kajian oleh Maimun Aqsha dan Roslan (2005) bahawa kaedah penerangan (85 peratus) merupakan kaedah yang kerap dan popular digunakan oleh GPI semasa mengajar Pendidikan Islam.

6.0 RUMUSAN DAN PENUTUP

Semua guru bersetuju bahawa penggunaan BBM dalam PdP memberi kesan yang baik jika digunakan dengan panduan yang betul. Pelbagai sumber yang boleh diperolehi untuk mendapatkan cara dan panduan penggunaan BBM khususnya papan putih. Kebiasaan sumber yang digunakan adalah melalui pengalaman guru sepanjang menggunakan papan putih setiap waktu PdP di dalam kelas.

Memandangkan papan putih telah tersedia di dalam kelas maka guru tidak terkecuali untuk menggunakan BBM tersebut dalam PdP. Maka sebagai satu penghargaan terhadap kemudahan yang disediakan di sekolah, penggunaan papan putih yang betul dan berkesan perlu diterapkan dalam PdP. Walaupun papan putih dianggap BBM tradisional tetapi penggunaannya tidak menghalang guru untuk menjadikan PdP yang menarik dan menyeronokkan pelajar. Oleh yang demikian, penggunaan yang baik mampu memberi makna kepada PdP di dalam kelas dan guru akan sentiasa menggunakan kemudahan yang telah tersedia di dalam kelas dengan baik.

7.0 RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darusalam & Saedah Siraj (2011). Cabaran Guru Program LINUS dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. Universiti Malaya.
- Adrian Doff (1988). *Teach English Teacher's Workbook: A Training Course for Teachers*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Armitage, A., Evershed, J., Hayes, D., Hudson, A., Kent, J., Lawes, S., Poma, S., and Renwick, M., (2012). *Teaching and Training in Lifelong Learning*. (4th Ed.). Berkshire, England: Open University Press, McGraw-Hill Education.
- Becker L. and Denicolo, P. (2013). *Teaching in Higher Education*. London: SAGE Publications Ltd.
- Bishop, P. (2010). Multi-Site Case Study. In Mills A.J., Gabrielle D., and Elden W. (Eds.) (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. Los Angeles: SAGE References Publication. 2:587-589.
- Bogdon, R. C. and Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods* (4th Ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Brown, J. W., Lewis, R. B., and Harclerod, F. F. (1973). *AV Instruction: Technology, Media, and Methods*. United States: McGraw-Hill, Inc.
- Che Mohd Noor, C.M.S.Z & Ahmad, A.R. (2015). *Kreativiti Guru Dalam Meningkatkan Kefahaman Dan Penghayatan Sejarah*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Zanariah, C.H.E. & Hassan, C.H.E., (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Malay Language Education Journal (MyLEJ)*, 1(1), pp.67-87.

- Chmiliar, L. (2010). Multiple-case Designs. In Mills A. J., Gabrielle D. and Elden W. (Eds.) (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. Los Angeles: SAGE References Publication. Vol.2.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches* (2nd Ed.). London: SAGE Publications Ltd.
- Denschombe, M. (2007). *The Good Research Guide for Small-Scale Social Research Projects*. New York: McGraw Hill Open University Press.
- Esterberg, K. G. (2002). *Qualitative Methods in Social Research*. Boston: McGraw-Hill.
- Faizah Binti Ja'apar (2017). *Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Smk) Daerah Pontian*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional, UTHM.
- Farrant, J.S. (1977). *Prinsip dan Amali Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Flinders, D. J. (2009). Qualitative Research. In Provenzo E. F. Jr. (Ed.) (2009). *Encyclopedia of the Social Science and Cultural Foundations of Education*. 2: 629-633.
- Hamdan, Hanipah dan Saprin (2004). *Teknik Mengajar Dewasa Panduan Untuk Jurulatih*. Utusan Publication and Distribution Sdn. Bhd.
- Heppner, F. (2007). *Teaching The Large College Class*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Hessler R. M. (1992). *Social Research Methods*. New York: West Publishing Company.
- Hillier, Y. (2005). *Reflective Teaching in Further and Adult Education*. London: Continuum.
- Holli, B. B., Calabrese, R. J., and Maillet, J. O'S. (2003). *Communication and Education Skills for Dietetics Professionals: Chalkboard or Whiteboard*. Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins.
- Kamarul Azmi Jasmi. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia; 2010.
- Maimun Aqsha Lubis dan Roslan Aspar (2005). Kaedah Pengajaran Pengetahuan Agama Islam di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan*. 30(2005): 141-150.
- McConaughy, S. H. (2005). Interviewing. In Lee, S. W. (Ed.) (2005). *Encyclopedia of School Psychology*. London: SAGE Publications.
- Merriam, S. B. (1988). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S. B. (2002). *Qualitative Researching Practice: Examples for Discussion and Analysis*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohd Jackie, A.Z, A.Gahani, M.F. & Elham, F.(2016). *Keberkesanan Pengajaran Guru Tadika: Satu Kajian Awal*. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morgan, D. L., and Guevara, H. (2008). Interview Guide. In Given L. M. (Ed.) (2008). *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. Los Angeles: SAGE Publication.
- Olson, M. (2010). Document Analysis. In Mills, A. J., Gabrielle, D., and Elden, W., (Eds.) (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. Los Angeles: SAGE References Publication.
- Quinn, F. M. (2000). *The Principles and Practice of Nurse Education*. United Kingdom: Stanley Thornes (Publisher) Ltd.
- Raptis, H. (2010). Documentation As Evidence. In Mills A. J., Gabrielle D., and Elden W., (Eds.) (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. Los Angeles: SAGE References Publication.

- Ruhaidah Hamdan (2011). *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca Di Kelas Pemulihan Khas Murid Tahun Tiga Di Daerah Kota Marudu*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum Dan Pengajaran), Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Samantha, R. K. (1991). *Manual on Instructional Aids For Teaching Excellence*. New Delhi: K.M. Rai Mittal Publications.
- Scales and Peter (2012). *Teaching in The Lifelong Learning Sector*. (2nd Ed.). Berkshire, England: Open University Press, McGraw-Hill Education.
- Schensul, J. J. (2008). *Methodology*. In Given L. M. (Ed.) (2008). *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. Los Angeles: SAGE Publication.
- Scott, J. (2004). *Types of Documents*. In Lewis-Beck M. S., Bryman A., Liao T. F. (Eds.) (2004). *The SAGE Encyclopedia of Social Science Research Methods*. London: SAGE Reference Publication.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1984). *Teknologi Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skorupski, W. P. (2005). *Qualitative Research*. In Lee S. W. (Ed.) (2005). *Encyclopedia of School Psychology*. London: SAGE Publications.
- Srinivasan, T. (Ed.) (2007). *Data Processing*. In Mohan S. and Elangovan R. *Research Methodology in Commerce*. New Delhi: Deep & Deep publications Pvt. Ltd.
- Tobin, R. (2010). *Descriptive Case Study*. In Mills, A. J., Gabrielle, D., and Elden, W., (Eds.) (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. Los Angeles: SAGE References.
- Vickers and Bavister (2010). *Present With Impact and Confidence: Learn to Enjoy Presenting*. UK: Teach Yourself Presenting.
- Yin, R. K. (2006). *Case Study Methods*. In Green J. L., Camilli G., Elmore P. B. (2006). *Handbook of Complementary Methods in Education Research*. Washington: American Educational Research Association.